



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).																								
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN NESTLÉ KITKAT LONGEVITY.																								
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 26/12/2023 dan ditutup jam 23:59:59 pada 20/02/2024.																								
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk individu Malaysia yang sah dengan dokumen pengenalan yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.																								
5. <u>Produk Turut Serta:</u>	<p>Disenaraikan di bawah adalah produk NESTLÉ KITKAT yang turut serta (“Produk”):</p> <table border="1"><thead><tr><th colspan="2">PRODUK TURUT SERTA</th></tr></thead><tbody><tr><td>*KITKAT 2-Finger 12 packs [Sharebag]</td><td>KITKAT Salted Caramel Cookies 2-Finger 5 packs</td></tr><tr><td>KITKAT 2-Finger 6 packs</td><td>KITKAT Ketupat 4-Finger 4 packs</td></tr><tr><td>KITKAT 4-Finger</td><td>KITKAT Bar Milk Chocolate</td></tr><tr><td>KITKAT Green Tea 2-Finger 8 packs</td><td>KITKAT Bar Dark Orange</td></tr><tr><td>KITKAT CHUNKY Milk Chocolate</td><td>KITKAT Mini 8 pieces</td></tr><tr><td>KITKAT CHUNKY Cookies & Cream</td><td>KITKAT Mini with Multipurpose Bag</td></tr><tr><td>KITKAT Salted Caramel Cookies 4-Finger</td><td>KITKAT Golden Dragon Gifting Tin</td></tr><tr><td>KITKAT Bites</td><td>KITKAT Drumstick 110ml</td></tr><tr><td>KITKAT Ketupat 4-Finger 2 packs</td><td>KITKAT Drumstick MP (4x110ml)</td></tr><tr><td>KITKAT Bar Dark Chocolate</td><td>KITKAT Ice Cream 750ml</td></tr><tr><td>KITKAT Bar Dark Mint</td><td>KITKAT Ice Cream Stick 85ml</td></tr></tbody></table>	PRODUK TURUT SERTA		*KITKAT 2-Finger 12 packs [Sharebag]	KITKAT Salted Caramel Cookies 2-Finger 5 packs	KITKAT 2-Finger 6 packs	KITKAT Ketupat 4-Finger 4 packs	KITKAT 4-Finger	KITKAT Bar Milk Chocolate	KITKAT Green Tea 2-Finger 8 packs	KITKAT Bar Dark Orange	KITKAT CHUNKY Milk Chocolate	KITKAT Mini 8 pieces	KITKAT CHUNKY Cookies & Cream	KITKAT Mini with Multipurpose Bag	KITKAT Salted Caramel Cookies 4-Finger	KITKAT Golden Dragon Gifting Tin	KITKAT Bites	KITKAT Drumstick 110ml	KITKAT Ketupat 4-Finger 2 packs	KITKAT Drumstick MP (4x110ml)	KITKAT Bar Dark Chocolate	KITKAT Ice Cream 750ml	KITKAT Bar Dark Mint	KITKAT Ice Cream Stick 85ml
PRODUK TURUT SERTA																									
*KITKAT 2-Finger 12 packs [Sharebag]	KITKAT Salted Caramel Cookies 2-Finger 5 packs																								
KITKAT 2-Finger 6 packs	KITKAT Ketupat 4-Finger 4 packs																								
KITKAT 4-Finger	KITKAT Bar Milk Chocolate																								
KITKAT Green Tea 2-Finger 8 packs	KITKAT Bar Dark Orange																								
KITKAT CHUNKY Milk Chocolate	KITKAT Mini 8 pieces																								
KITKAT CHUNKY Cookies & Cream	KITKAT Mini with Multipurpose Bag																								
KITKAT Salted Caramel Cookies 4-Finger	KITKAT Golden Dragon Gifting Tin																								
KITKAT Bites	KITKAT Drumstick 110ml																								
KITKAT Ketupat 4-Finger 2 packs	KITKAT Drumstick MP (4x110ml)																								
KITKAT Bar Dark Chocolate	KITKAT Ice Cream 750ml																								
KITKAT Bar Dark Mint	KITKAT Ice Cream Stick 85ml																								

KITKAT Cele-break	KITKAT Mini Stick 45ml
KITKAT Golden Dragon 4-Finger	KITKAT Mini Stick MP (6x45ml)
KITKAT Golden Dragon 2-Finger 8 packs	KITKAT IC Stick MP (4x85ml)
*KITKAT 2-Finger 24 packs Value Pack [Sharebag]	KITKAT GOLD Ice Cream 85ml
KITKAT 2-Finger	KITKAT GOLD IC MP (4x85ml)
KITKAT 4-Finger 3 packs	KITKAT Pink Ice Cream 85ml
KITKAT Green Tea 4-Finger	KITKAT PINK Mini Stick 45ml
KITKAT CHUNKY Milk Chocolate 3 packs	KITKAT Pink Mini MP (6x45ml)
KITKAT CHUNKY Raisin & Cookie	KITKAT UZU Ice Cream 85ml

**Untuk setiap pembelian Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) KITKAT Golden Dragon Sharebag anda akan layak mendapat satu (1) nombor bersiri tambahan. KITKAT Golden Dragon Sharebag ("Golden Dragon Sharebag") hanya terdapat di outlet-outlet terpilih sahaja.*

6. **Bukti Pembelian & Kaedah Penyerahan:**

- a. Untuk menyertai Promosi ini, beli minima sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) ("Pembelian Minima") mana-mana Produk dalam satu resit tunggal dari mana-mana outlet di dalam kedai ("Resit") dan /atau inuis dan/atau tangkapan skrin pesanan dari mana-mana platform di dalam talian ("Inuis") semasa Tempoh Promosi.
- b. Resit Outlet di dalam kedai:
 - i. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem Point of Sale Outlet dan/atau resit bertulis untuk pembelian di dalam kedai Outlet. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo Outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat.
 - ii. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor Resit dan nama dan/atau logo outlet ("Butiran Resit").
- c. Inuis Peniaga Dalam Talian:
 - i. Inuis boleh didapati dalam bentuk tangkapan skrin inuis dan/atau pesanan untuk pembelian dalam talian dari mana-mana peniaga dalam talian. Inuis mesti mengandungi nama dan/atau logo peniaga dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskaun dan/atau baucar penghantaran dan/atau diskaun lain, jumlah pembayaran akhir Produk mestilah jumlah Pembelian Minima dan ke atas untuk layak.

- ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, pesanan dan/atau nombor invois, dan nama dan/atau logo peniaga dalam talian (“Butiran Invois”).
- d. Peserta dengan pembelian dari mana-mana lapan (8) outlet eksklusif, di dalam kedai dan/atau di dalam talian yang disenaraikan di bawah ("Outlet Eksklusif"), semasa Tempoh Promosi juga akan berpeluang memenangi hadiah tambahan. Sila rujuk klausa 14.

OUTLET EKSKLUSIF	
i	LOTUS'S
ii	GIANT
iii	TF VALUE-MART
iv	7-ELEVEN
v	ECONSAVE
vi	MYDIN
vii	KEDAI MESRA, PETRONAS
viii	AEON

- e. Kaedah penyertaan Promosi adalah melalui Laman Web Promosi sahaja. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan tetapi setiap Resit dan/atau Invois unik (secara kolektif “Bukti Pembelian”) **HANYA layak untuk satu (1) penyerahan penyertaan**. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Bukti Pembelian dengan butiran tidak lengkap dan/atau yang dicetak semula, berulang, tidak boleh dibaca, tidak jelas dan/atau Bukti Pembelian rosak tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta.
- f. Penyerahan Penyertaan melalui Laman Web Promosi:
 - i. Lawati Laman Web Promosi dan lengkapkan Borang Web di: <https://nes.tl/kitkatCNYContest2024> atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet yang mengambil bahagian dan lengkapkan Borang Web.
 - ii. Lengkapkan semua butiran peribadi yang diperlukan (“Butiran Peribadi”) pada Borang Web dan nombor mudah alih berdaftar di Malaysia yang serasi dengan Aplikasi WhatsApp untuk komunikasi lanjut.
 - iii. Tangkap satu (1) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png (“Imej”) Bukti Pembelian dengan butiran yang diperlukan.
 - iv. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Bukti Pembelian sahaja dan saiz fail Imej mesti kurang daripada 5MB.
 - v. Muat naik Imej pada Borang Web dan klik ‘hantar’ [“Penyertaan”].
 - vi. Penganjur akan auto-balas dengan laporan perakuan penerimaan penyertaan untuk setiap Penyertaan yang diterima.

	<p>g. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya, pengesahan dan kelayakan. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau Imej yang mengandungi lebih daripada satu (1) Imej Bukti Pembelian. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta.</p> <p>h. Semasa proses pemilihan Pemenang, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam Bukti Pembelian yang diserahkan, maksima sehingga sepuluh (10) nombor bersiri. Sebarang baki jumlah akan dilucutkan sebaik sahaja nombor bersiri maksima bagi setiap Bukti Pembelian telah diperuntukkan.</p> <p>i. Untuk setiap produk berjumlah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri.</p> <p>ii. Untuk setiap produk berjumlah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) Golden Dragon Sharebag, penganjur akan memperuntukkan tambahan satu (1) nombor bersiri.</p> <p>iii. Sebagai contoh, jika anda membeli dalam satu Bukti Pembelian semasa Tempoh Promosi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Produk berjumlah RM15, Penganjur akan memperuntukkan 1 nombor bersiri. - Produk berjumlah RM10 dan RM10 Golden Dragon Sharebag, berjumlah sehingga RM20, Penganjur akan memperuntukkan 2 nombor bersiri dan tambahan 1 nombor bersiri, berjumlah sehingga 3 nombor bersiri. - Produk berjumlah RM10 dan RM20 Golden Dragon Sharebag, berjumlah sehingga RM30, Penganjur akan memperuntukkan 3 nombor bersiri dan tambahan 2 nombor bersiri, berjumlah sehingga 5 nombor bersiri. - Produk berjumlah RM15 dan Golden Dragon Sharebags, Penganjur akan memperuntukkan 10 nombor bersiri. <p>i. Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak Bukti Pembelian asal sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan.</p>
<p>7. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 20/02/2024. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p>8. <u>Hadiah Harian:</u></p>	<p>a. Terdapat sejumlah lima (5) Hadiah Harian dalam bentuk satu (1) e-baucar Grab RM88 setiap satu untuk dimenangi setiap hari selama lima puluh tujuh (57) hari berturut-turut.</p> <p>b. Terdapat sejumlah dua ratus lapan puluh lima (285) Hadiah Harian untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
<p>9. <u>Maklumat Pengadil –</u></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Harian, Penganjur akan menyusun kira Penyertaan yang diterima dan memperuntukkan nombor bersiri, bagi</p>

<p><u>Hadiah Harian:</u></p>	<p>setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai Penyertaan yang berjaya setiap hari, mengikut Produk yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Bukti Pembelian yang dikemukakan (setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Setiap hari nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak (“Jumlah Penyertaan Layak Harian”). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Harian bagi hari tersebut ialah 101, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan lima [5] Finalis Hadiah Harian: $101 \div 5 = 20.20$. Oleh sebab pembahagian 101 dengan 5 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 20.20 akan dibundarkan ke bawah kepada 20. 5 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 20*, 40*, 60*, 80 and 100 [*contoh pengiraan: <u>20</u>, 20+20=<u>40</u>, 40+20=<u>60</u>].</p>								
<p>10. <u>Hadiah Mingguan:</u></p>	<p>a. Terdapat lima (5) Hadiah Mingguan dalam bentuk wang tunai RM888 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut.</p> <p>b. Terdapat sejumlah empat puluh (40) Hadiah Mingguan untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>c. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan lapan (8) tempoh mingguan adalah seperti di bawah:</p> <table data-bbox="405 1171 1426 1323"> <tr> <td>Minggu 1: 26/12/2023 – 01/01/2024</td> <td>Minggu 2: 02/01/2024 – 08/01/2024</td> </tr> <tr> <td>Minggu 3: 09/01/2024 – 15/01/2024</td> <td>Minggu 4: 16/01/2024 – 22/01/2024</td> </tr> <tr> <td>Minggu 5: 23/01/2024 – 29/01/2024</td> <td>Minggu 6: 30/01/2024 – 05/02/2024</td> </tr> <tr> <td>Minggu 7: 06/02/2024 – 12/02/2024</td> <td>Minggu 8: 13/02/2024 – 20/02/2024</td> </tr> </table>	Minggu 1: 26/12/2023 – 01/01/2024	Minggu 2: 02/01/2024 – 08/01/2024	Minggu 3: 09/01/2024 – 15/01/2024	Minggu 4: 16/01/2024 – 22/01/2024	Minggu 5: 23/01/2024 – 29/01/2024	Minggu 6: 30/01/2024 – 05/02/2024	Minggu 7: 06/02/2024 – 12/02/2024	Minggu 8: 13/02/2024 – 20/02/2024
Minggu 1: 26/12/2023 – 01/01/2024	Minggu 2: 02/01/2024 – 08/01/2024								
Minggu 3: 09/01/2024 – 15/01/2024	Minggu 4: 16/01/2024 – 22/01/2024								
Minggu 5: 23/01/2024 – 29/01/2024	Minggu 6: 30/01/2024 – 05/02/2024								
Minggu 7: 06/02/2024 – 12/02/2024	Minggu 8: 13/02/2024 – 20/02/2024								
<p>11. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Mingguan:</u></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Penganjur akan menyusun kira dan memperuntukkan nombor bersiri, bagi setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai Penyertaan yang berjaya setiap minggu, mengikut Produk yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Bukti Pembelian yang dikemukakan (setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak (“Jumlah Penyertaan Layak Mingguan”). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan bagi minggu tersebut ialah 1503, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan lima (5) Finalis Hadiah Mingguan: $1503 \div 5 = 300.60$. Oleh sebab pembahagian 1503 dengan 5 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 300.60 akan dibundarkan ke bawah kepada 300. 5 Peserta dengan Penyertaan Layak minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut</p>								

	akan dipilih: 300*, 600*, 900*, 1200 dan 1500 (*contoh pengiraan: 300 , 300+300= 600 , 600+300= 900).								
12. <u>Hadiah Bulanan:</u>	<p>a. Terdapat satu (1) Hadiah Utama Bulanan dalam bentuk satu (1) Kereta Elektrik BYD DOLPHIN DYNAMIC STANDARD bernilai RM99,900 setiap satu untuk dimenangi setiap bulan selama dua (2) bulan berturut-turut. Hadiah Utama Bulanan TIDAK termasuk kos untuk pendaftaran kereta standard, cukai jalan dan insurans.</p> <p>b. Terdapat sejumlah dua (2) Hadiah Utama Bulanan untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>c. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan dua (2) tempoh bulanan adalah seperti di bawah: Bulan 1: 26/12/2023 – 22/01/2024 Bulan 2: 23/01/2024 – 20/02/2024</p>								
13. <u>Maklumat Pengadil – Hadiah Bulanan:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Bulanan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri bagi setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai Penyertaan yang berjaya setiap bulan, sepanjang Tempoh Promosi mengikut Bukti Pembelian yang dikemukakan (setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Setiap bulan nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak (“Jumlah Penyertaan Layak Bulanan”). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Bulanan bagi bulan tersebut ialah 50001, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan satu (1) Finalis Hadiah Utama Bulanan: $50001 \div 2 = 25000.50$. Oleh sebab pembahagian 50001 dengan 2 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 25000.50 akan dibundarkan ke bawah kepada 25000. Peserta dengan Penyertaan Layak bulan tersebut yang diberikan nombor bersiri 25000 akan dipilih.</p>								
14. <u>Promosi Outlet Eksklusif:</u>	<p>a. Semua Peserta dengan pembelian dari mana-mana lapan (8) Outlet Eksklusif semasa Tempoh Promosi akan layak memenangi satu (1) <u>Hadiah Mingguan tambahan.</u></p> <p>b. Hadiah Mingguan tambahan untuk kesemua lapan (8) Outlet Eksklusif adalah dalam bentuk satu (1) PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet RM88 setiap satu. Sila rujuk di bawah untuk kuantiti Hadiah Mingguan tambahan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi:</p> <table border="1" data-bbox="432 1767 1426 2016"> <thead> <tr> <th colspan="2">OUTLET EKSKLUSIF</th> <th>HADIAH MINGGUAN TAMBAHAN</th> <th>JUMLAH HADIAH MINGGUAN TAMBAHAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>i</td> <td>LOTUS'S</td> <td>Dua puluh dua (22) Hadiah Mingguan X 8 minggu.</td> <td>Satu ratus tujuh puluh enam (176) Hadiah Mingguan.</td> </tr> </tbody> </table>	OUTLET EKSKLUSIF		HADIAH MINGGUAN TAMBAHAN	JUMLAH HADIAH MINGGUAN TAMBAHAN	i	LOTUS'S	Dua puluh dua (22) Hadiah Mingguan X 8 minggu.	Satu ratus tujuh puluh enam (176) Hadiah Mingguan.
OUTLET EKSKLUSIF		HADIAH MINGGUAN TAMBAHAN	JUMLAH HADIAH MINGGUAN TAMBAHAN						
i	LOTUS'S	Dua puluh dua (22) Hadiah Mingguan X 8 minggu.	Satu ratus tujuh puluh enam (176) Hadiah Mingguan.						

ii	GIANT	Tiga belas (13) Hadiah Mingguan X 8 minggu.	Satu ratus empat (104) Hadiah Mingguan.
iii	TF VALUE-MART	Tujuh (7) Hadiah Mingguan X 8 minggu.	Lima puluh enam (56) Hadiah Mingguan.
iv	7-ELEVEN		
v	ECONSAVE		
vi	MYDIN		
vii	KEDAI MESRA, PETRONAS		
viii	AEON	Enam (6) Hadiah Mingguan X 8 minggu.	Empat puluh lapan (48) Hadiah Mingguan.

- c. Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri bagi setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai Penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi mengikut setiap Penyertaan Outlet Eksklusif (setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.
- d. Andainya Jumlah Penyertaan Layak **LOTUS’S** bagi minggu tersebut ialah **115**, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:
- i. **Pemilihan dua puluh dua (22) Finalis Hadiah Mingguan LOTUS’S: $115 \div 22 = 5.27$.** Oleh sebab pembahagian 115 dengan 22 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 5.27 akan dibundarkan ke bawah kepada 5. 22 Peserta dengan Penyertaan Layak **LOTUS’S** minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 5*, 10*, 15*, 20 dan seterusnya (*contoh pengiraan: 5, $5+5=10$, $10+5=15$).
- e. Andainya Jumlah Penyertaan Layak **GIANT** bagi minggu tersebut ialah **165**, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:
- i. **Pemilihan tiga belas (13) Finalis Hadiah Mingguan GIANT: $165 \div 13 = 12.69$.** Oleh sebab pembahagian 165 dengan 13 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 12.69 akan dibundarkan ke bawah kepada 12. 13 Peserta dengan Penyertaan Layak **GIANT** minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 12*, 24*, 36*, 48 dan seterusnya (*contoh pengiraan: 12, $12+12=24$, $24+12=36$).
- f. Andainya Jumlah Penyertaan Layak **TF VALUE-MART** bagi minggu tersebut ialah **113**, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:
- i. **Pemilihan tujuh (7) Finalis Hadiah Mingguan TF VALUE-MART: $113 \div 7 = 16.14$.** Oleh sebab pembahagian 113 dengan 7 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 16.14 akan dibundarkan ke bawah kepada 16. 7 Peserta dengan Penyertaan Layak **TF VALUE-MART** minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 16*, 32*, 48*, 64 dan seterusnya (*contoh pengiraan: 16, $16+16=32$, $32+16=48$).

	<p>g. Andainya Jumlah Penyertaan Layak AEON bagi minggu tersebut ialah 123, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan enam (6) Finalis Hadiah Mingguan AEON: $123 \div 6 = 20.50$. Oleh sebab pembahagian 123 dengan 6 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 20.50 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>20</u>. 6 Peserta dengan Penyertaan Layak AEON minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 20*, 40*, 60*, 80 dan seterusnya (*contoh pengiraan: <u>20</u>, $20+20=40$, $40+20=60$).</p>
<p>15. <u>Terma Tambahan:</u></p>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui WhatsApp dari +6018-388 2455 ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p> <p>b. Setiap peserta hanya boleh memenangi sepanjang Tempoh Promosi:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Satu (1) Hadiah Harian, ii. Satu (1) Hadiah Mingguan, iii. Satu (1) Hadiah Bulanan Utama, dan iv. Satu (1) Hadiah Mingguan dari setiap satu daripada lapan (8) Outlet Eksklusif. <p>c. Atas permintaan, semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah.</p> <p>d. Semua pautan Hadiah Harian e-baucar Grab RM88 akan dihantar melalui WhatsApp dari +6018-388 2455 ke nombor mudah alih yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak, dalam tempoh 6 hingga 8 minggu dari tarikh tutup Promosi.</p> <p>e. Semua Pemenang Hadiah Harian mesti mematuhi terma dan syarat GrabCar Sdn. Bhd. [Grab] dan pihak yang mengatur dan menyediakan e-baucar Grab. Berikut adalah terma dan syarat Grab:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Penggunaan e-baucar Grab adalah tertakluk kepada GrabCar Sdn. Bhd. Terma & Syarat di: https://www.grab.com/my/terms-policies/transport-delivery-logistics/ dan Dasar Privasi Grab Gifts di: https://www.grab.com/my/terms-policies/privacy-notice/. <p>f. Semua Pemenang Hadiah Mingguan wang tunai RM888 akan menerima cek yang dibayar atas nama mereka melalui kurier dalam tempoh 6 hingga 8 minggu dari tarikh tutup Promosi ke alamat yang diberikan oleh Pemenang.</p> <p>g. Semua Pemenang Hadiah Utama Bulanan akan dihubungi oleh vendor yang dilantik untuk penebusan Hadiah. Semua Pemenang Hadiah Utama Bulanan mungkin perlu</p>

menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah, jika ada. Penganjur akan memberitahu Pemenang Hadiah Utama mengenai butiran Majlis Penyampaian Hadiah. Sebarang bayaran tambahan dan/atau fi rampaian, kos dan/atau perbelanjaan yang akan ditanggung berkaitan dengan penggunaan dan/atau penyelenggaraan Hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh dan adalah tanggungjawab sepenuhnya Pemenang Hadiah Utama Bulanan.

- h. Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghantar kod kepada Pemenang Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif, PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet melalui Nombor WhatsApp Rasmi Peraduan di **+6018-388 2455** ke nombor mudah alih yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak, dalam tempoh 6 hingga 8 minggu dari tarikh tutup Promosi.
- i. Semua Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif, Pemenang PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet mesti mematuhi terma dan syarat vendor dan pihak yang mengatur dan menyediakan Hadiah Kredit e-Wallet. Berikut adalah terma dan syarat Hadiah Peraduan vendor:
 - i. Penggunaan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet tertakluk pada Terma & Syarat Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG Digital Sdn Bhd); <https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf>
- j. Penganjur tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab sekiranya mana-mana e-baucar Grab dan/atau Hadiah eWallet Touch 'n Go tidak dapat dihantar atau disampaikan kepada pemenang disebabkan sebarang perubahan atau perbezaan dalam nombor telefon mudah alih yang diserahkan oleh pemenang kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan.
- k. Penganjur berhak untuk melanjutkan jangka masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan alasan di luar kawalan Penganjur. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur seperti yang dinyatakan pada mesej WhatsApp untuk pengambilan hadiah akan dibatalkan.
- l. Iklan Keputusan Pemenang akan dipamerkan dalam 6 hingga 8 minggu dari tarikh tutup Promosi di Laman Web Penganjur: <https://nes.tl/kitkatCNYContest2024>.
- m. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.
- n. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.

- | | |
|--|---|
| | <p>o. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku ke atas hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti kos perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang termasuk untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh pemenang atas kos mereka sendiri.</p> |
|--|---|

*Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat Penyertaan dan Notis Privasi** yang boleh didapati di <https://nes.tl/kitkatCNYContest2024>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).*

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi,

rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.

- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
 - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- (a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.
 - (b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.
- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.

- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelektual

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam

Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.